

**TEMPLATE SURAT TAWARAN PENJUALAN
HARTA ALIH YANG BERNILAI RENDAH**

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami:
Tarikh :

(Nama dan alamat penawar)

Tuan,

**DALAM PERKARA KEBANKRAPAN/
PENGKULUNGAN SYARIKAT NO:
BER : (Nama bankrap/syarikat yang digulung)
NO. KP/SYARIKAT YANG DIGULUNG :
PER : TAWARAN PENJUALAN (Butiran penuh harta)**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Unit Jualan Aset (JUJA) Bil/20.. telah bersetuju untuk menawarkan penjualan harta alih di atas kepada tuan (selepas ini dirujuk sebagai "Pembeli") tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(i) Harga Jualan

RM..... (Ringgit sahaja)

(ii) Cara pembayaran

Harga Jualan hendaklah dibayar secara keseluruhan sebanyak **RM..... (Ringgit)** melalui draf bank/cek juruwang atas nama Ketua Pengarah Insolvency Malaysia dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan surat ini.

(iii) Penyediaan Surat Penyerahan dan Akuan Terima Harta Alih Bernilai Rendah

Pembeli perlu menyediakan Surat Penyerahan dan Akuan Terima Harta Alih Bernilai Rendah dengan menggunakan

format yang disediakan oleh Jabatan ini dan hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Jabatan ini dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat ini.

(iv) Pembatalan tawaran

Jabatan ini berhak untuk membatalkan tawaran tanpa sebarang notis selanjutnya sekiranya Pembeli didapati gagal mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan dalam surat ini.

(vi) Kos dan perbelanjaan

Kos dan perbelanjaan untuk semua bayaran, kos, cukai, perbelanjaan pindahmilik dan lain-lain perbelanjaan yang berbangkit daripada penjualan termasuk apa-apa tunggakan yang perlu dibayar kepada mana-mana pihak hendaklah ditanggung dan dibayar sepenuhnya oleh Pembeli.

(vii) Lain-lain syarat

(i) Pembeli dianggap telah memeriksa dan mengetahui keadaan harta alih berkenaan (*as is where is basis*);

(ii) Ketua Pengarah Insolvency tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian yang mungkin dialami oleh mana-mana pihak dan juga apa-apa perbelanjaan yang mungkin dikenakan;

(iii) Ketua Pengarah Insolvency tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan dalam penjualan atau apa-apa kegagalan sekalipun; dan

(iv) Syarat-syarat dalam surat ini merupakan sebahagian daripada syarat-syarat yang akan dinyatakan dalam Surat Penyerahan dan Akuan Terima.

(viii) Tempoh sah tawaran

Tempoh sah tawaran ialah 14 hari dari tarikh penerimaan surat ini.

- (ix) Segala urusan pembayaran mengenai jual beli ini hendaklah dibuat melalui Jabatan Insolvency Malaysia Cawangan

3. Surat penerimaan tawaran hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan Surat Penyerahan dan Akuan Terima kepada Jabatan ini dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan surat ini. Jika tuan gagal mengembalikan Surat tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, tawaran ini akan dianggap terbatal.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)

.....

b/p Ketua Pengarah Insolvency Malaysia

s.k : Pengarah Insolvency Negeri
Jabatan Insolvency Malaysia
Cawangan

.....

Nota : Sila uruskan penjualan ini dan pastikan ianya dilaksanakan dengan sempurna dan teratur serta mematuhi syarat-syarat kelulusan di atas